

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG. PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM**

**NAIB CANSELOR, UTeM**

---

**SEMPENA MAJLIS JASAMU DIKENANG**

***SEJAMBAK KASIH, SEKALUNG BUDI***

*11 Disember 2019 (Rabu); 3:00 Petang*

*Bilik Jamuan Utama*

*Bangunan Canselori*

**Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

**Y.Bhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Y.Bhg. Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Y.Bhg. Prof. Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff**

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

**Y.Berusaha En. Masdzarif bin Mahat**

Ketua Pegawai Operasi

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Pengurus BAKUTeM, wakil UTeMASA, PRAKTIS, KEKUTeM, pesara dan bakal pesara yang diraikan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Majlis Jasamu Dikenang tahun 2019 - Sejambak Kasih, Sekalung Budi. Majlis ini diadakan bagi meraikan 10 orang staf UTeM yang telah dan bakal bersara, terdiri daripada 6 staf yang bersara wajib dan 4 staf yang bersara pilihan.

2. Bagi pihak Pengurusan Universiti, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala khidmat bakti, pengorbanan, jasa dan budi para pesara berikan di sepanjang perkhidmatan khususnya di UTeM. Saya percaya, terdapat di antara para pesara yang diraikan hari ini merupakan antara staf terawal yang menjadi perintis dan penggerak Universiti ini sejak dari awal penubuhan, ketika di zaman Kolej Universiti dahulu.

3. Saya yakin, ketika fasa awal penubuhan Universiti ini, pelbagai cabaran telah diharungi; dengan infrastruktur yang serba kekurangan, cabaran dalam tadbir urus, kesukaran dalam membina kepercayaan pelbagai pihak seperti pelajar dan ibu bapa, industri dan lain-lain lagi. Namun, semua ini bukan menjadi penghalang kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkhidmat dan bersama-sama berjuang bagi memastikan UTeM terus berjaya dan cemerlang sehingga ke hari ini.

4. Sebagai penghargaan di atas segala sumbangan dan dedikasi di sepanjang perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan, maka hari ini, pihak Universiti amat berbesar hati menganjurkan majlis ini, sebagai tanda terima kasih, walaupun nilainya tidaklah setara dengan khidmat bakti tanpa jemu yang tuan-tuan dan puan-puan berikan selama ini.

*Perigi tuan semak siratan,  
Ukur tali nampak serupa,  
Pergi tuan semarak ingatan,  
Luhur budi tidak dilupa.*

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

5. Dunia persaraan merupakan fasa terakhir dalam perjalanan alam pekerjaan seseorang yang bergelar penjawat awam. Semestinya, persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna tersendiri.

6. Saya yakin, tuan-tuan dan puan-puan sudah pun menyusun perancangan masa depan dalam melangkah ke dunia baharu sebagai seorang pesara. Namun seharusnya, persediaan dari segi mental dan emosi perlu ada, bagi mengharungi fasa hidup yang baharu ini, yang pastinya mempunyai suasana dan cabaran yang jauh berbeza.

7. Jika kebiasaannya, bermula 8:00 pagi sehingga 5:00 petang, kita berada di pejabat. Tetapi apabila sudah bergelar pesara, pastinya rasa janggal, apabila pada waktu itu, kita tidak lagi berada dalam suasana bekerja. Mungkin untuk sehari dua atau seminggu dua, kita boleh anggap tempoh itu sebagai tempoh bercuti, tetapi apabila masuk sebulan dua, di situ baru akan terasa suasana dan cabarannya yang sudah berubah secara total.

8. Namun, itu tidak bererti yang fasa persaraan ini adalah fasa yang menjadi noktah pada kehidupan kita. Fasa ini hendaklah dianggap sebagai tempoh peralihan perjalanan kehidupan untuk menjadi lebih aktif terutamanya dalam menceburい bidang baru, yang mungkin sebelum ini tidak dapat untuk kita laksanakan, kerana faktor kekangan masa dan tenaga, yang disebabkan keperluan komitmen dalam masa bertugas.

9. Saya pasti, banyak aktiviti yang boleh diceburi oleh tuan-tuan dan puan-puan selepas bergelar pesara, yang semestinya dapat memberi kepuasan dan manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri malah terhadap keluarga dan masyarakat. Alam persaraan ini juga boleh dijadikan sebagai satu ruang masa lebih berkualiti untuk bersama keluarga.

10. Oleh yang demikian, kami di UTeM mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menjalani kehidupan harian yang lebih membahagiakan, dan terus menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara tidak kira dalam apa juu aktiviti dan bidang yang diceburi.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

11. Seperti kata pepatah, gajah mati meninggalkan gadingnya, harimau mati meninggalkan belangnya dan manusia mati meninggalkan namanya.
12. Meskipun Universiti kehilangan sekumpulan lagi staf yang berkebolehan dan berpengalaman, tetapi saya percaya, segala apa yang telah dicurahkan kepada Universiti ini, pastinya akan terus mekar dalam ingatan dan sanubari kita.

13. Dengan melihat kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini, saya yakin semangat kekeluargaan seUTeM dan ikatan silaturahim yang terjalin telah sebatи dalam diri kalian.
14. “Tempat jatuh lagikan dikenang, inikan pula tempat kita berbakti dan menjadi punca rezeki”. “Di mata hilang, jangan di hati, meminta ada waktu untuk bertemu.”

15. Diharapkan, kami di sini juga, akan terus diingati, didampingi dan semestinya kami amat mengalu-alukan jasa dan bakti tuan-tuan dan puan-puan dalam membantu melonjakkan lagi kecemerlangan UTeM pada masa akan datang.

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi, saya mewakili pengurusan Universiti dan seluruh warga UTeM, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala curahan bakti dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan berikan selama ini. Semoga jalinan persahabatan kita akan terus berkekalan.

Pahat papan serupa dulu,  
Bawah kain daun cermai,  
Rehatlah tuan di dunia baru,  
Ukhwah terjalin usah terurai.

Pandai terbilang putera perkasa,  
Tengok puteri akar dicari,  
Andai ada ruang dan masa,  
Jenguklah kami bugarkan memori.

11. Kami mendoakan tuan-tuan dan puan-puan dikurniakan kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki dan diberi keberkatan umur serta kehidupan yang bahagia oleh Allah SWT.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.